

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA  
MAJLIS MENANDATANGANI KONSESI ASRAMA SECARA  
PENSWASTAAN (BLMT) ANTARA UTeM DENGAN  
PENGURUSAN KONSESI ASRAMA SDN. BHD**

*2 Mac 2010 (Selasa), 11.00 pagi  
Pullman Putrajaya Lakeside*

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berusaha Saudari Pengacara majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin,  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Yang Berhormat Datuk Hj Yaakub bin Md Amin, Pengerusi  
Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi dan  
Sumber Manusia, yang mewakili Y.A.B. Datuk Seri Hj.  
Mohd Ali b. Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka

Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Taib bin Hashim,  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia  
Melaka

Y.Bhg. Dato' Dr. Zulkefli bin Hassan  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Pn Nazli Khir  
Pengarah, Pengurusan Konsesi Asrama Sdn. Bhd

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti  
Pegawai-pegawai dari Kementerian Pengajian Tinggi M'sia

Dif-dif Kehormat

Pegawai-pegawai Kanan Universiti

Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

Wakil-wakil Syarikat

Wakil-wakil media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Segala puji-pujian bagi Allah SWT yang telah mengizinkan  
kita untuk sama-sama berada di Majlis Menandatangani  
Konsesi Asrama Secara Penswastaan (BLMT - *Built-Lease-  
Maintain-Transfer*) antara Universiti Teknikal Malaysia

Melaka (UTeM) dengan Pengurusan Konsesi Asrama Sdn. Bhd. (PEKA).

Pertama sekali, saya sangat mengalu - alukan kehadiran Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bagi menyaksikan majlis yang sungguh bermakna ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat Y.B. Dato' Seri dan pihak Kementerian yang telah membantu merealisasikan cadangan pembinaan asrama secara penswastaan di

Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam menyediakan prasarana kediaman yang mencukupi serta selesa kepada para pelajar.

Y.B. Dato' Seri, hadirin & hadirat yang dihormati sekalian,

1. Hari ini merupakan detik bersejarah yang sangat dinantikan dengan termeterainya perjanjian konsesi pembangunan asrama pelajar UTeM dengan pihak

Pengurusan Konsesi Asrama Sdn. Bhd. (PEKA). Izinkan saya berkongsi sedikit kronologi rentetan perkembangan pembangunan fizikal Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sehingga 2009, pembangunan fizikal keseluruhan kawasan Universiti seluas 720 ekar di Mukim Durian Tunggal ini telah mencapai 100% komponen yang dirancang di bawah RMK-8 dan RMK-9. Bagi pelaksanaan konsep penswastaan kediaman asrama pelajar pula telah diluluskan oleh Agensi Pusat bagi pembangunan

UTeM di bawah RMK-8 lagi. Selanjutnya langkah proaktif telah diambil seawal Mei 2004 di mana pada waktu itu sebanyak 10 buah syarikat pemaju swasta telah mengemukakan dan membentangkan cadangan teknikal serta cadangan komersial masing-masing berdasarkan pernyataan keperluan pelanggan yang telah disediakan oleh UTeM.

2. Bermula dengan kemasukan kumpulan pelajar prasiswazah sulung pada semester I 2001/2002 seramai

349 orang, kini dalam meniti usia penubuhan satu dekad pada 1 Disember 2010 nanti, UTeM telah mempunyai seramai 6,125 pelajar. Beroperasi dari dua kampus iaitu Kampus Induk di Mukim Durian Tunggal yang menumpukan pengajian pada bidang Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (ICT) serta menempatkan majoriti 5 fakulti dan 95% bilangan pelajar yang mengikuti pengajian di Kampus Induk. Manakala Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah, bandar Melaka menumpukan pengajian di bidang

Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan serta program-program pembelajaran sepanjang hayat dengan penempatan 1 fakulti serta 5% bilangan pelajar. Pihak Universiti menampung keperluan penempatan asrama pelajar di mana pelajar-pelajar Tahun Satu dan Tahun Dua diwajibkan duduk di asrama. Bagi memenuhi keperluan semasa penginapan pelajar dan dengankekangan pilihan yang terhad dalam mendapatkan tempat yang bersesuaian maka pada masa ini Universiti terpaksa menyewa

bangunan-bangunan asrama secara sementara di 7 lokasi berbeza-beza. Majoriti 70% penempatan pelajar adalah di 4 buah asrama di Bukit Beruang manakala 23% lagi penempatan adalah di 2 buah asrama di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh. Selebihnya iaitu 7% penempatan adalah di Asrama Murai Jaya yang terletak di Mukim Durian Tunggal. Perjalanan ulang alik para pelajar adalah menggunakan perkhidmatan bas yang disediakan di antara tempat kediaman dengan kampus.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

3. Setelah beberapa siri mesyuarat di peringkat Agensi Pusat bagi menilai dan menyemak cadangan teknikal, cadangan komersial serta beberapa dokumen-dokumen penting yang berkaitan maka penantian kini menjadi kenyataan apabila pihak Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri menerusi surat bertarikh 25 Januari 2010 telah memaklumkan

bahawa Jemaah Menteri pada 13 Januari 2010 telah bersetuju dengan syor Memorandum cadangan pembinaan asrama secara penswastaan fasa 2 kompleks kediaman pelajar UTeM melalui kaedah *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT) oleh Pengurusan Konsesi Asrama Sdn. Bhd. (PEKA). Untuk makluman, komponen atau skop projek yang telah diluluskan di kawasan seluas 70 ekar ini adalah pembinaan 9 blok bangunan 5 tingkat yang boleh memuatkan kapasiti kediaman bagi 3,060 pelajar. Selain itu terdapat 2

unit arked pelajar, 8 unit kediaman untuk felo asrama serta 2 unit kediaman untuk pengetua asrama yang melibatkan jumlah keseluruhan kos sebanyak RM73 juta serta dijangka siap dibina dalam tempoh 24 bulan seterusnya konsesi asrama ini akan berjalan selama 25 tahun. Untuk makluman, caj sewaan yang dikenakan kepada setiap pelajar adalah sebanyak RM5.85 sehari bagi 270 hari dalam setahun.

4. Dengan adanya keputusan kerajaan yang sangat dinantikan ini bakal memberi sinar baru kepada penyediaan kemudahan prasarana kediaman yang selesa kepada para pelajar seterusnya memenuhi target yang telah diatur oleh Universiti seperti ternyata di dalam Objektif 4, Pelan Strategik UTeM 2009 – 2010 iaitu menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar. Pembangunan di kampus haruslah seimbang tidak hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal semata-mata tetapi terhadap

mewujudkan sebuah komuniti saling melengkapi di antara proses pengajaran dan pembelajaran serta disediakan beberapa kemudahan seperti gelanggang non-kompetetif untuk aktiviti-aktiviti riadah serta rekreasi pelajar. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana segala kepayahan sebelumnya dalam mengatur dan menyenggara kemudahan kediaman yang tidak setempat serta perbelanjaan mengurus yang tinggi kini telah semakin hampir ke penghujungnya dengan termeterainya Memorandum Of Agreement yang akan

berlangsung sebentar sahaja lagi. Marilah kita sama-sama berdoa agar kerja-kerja pelaksanaan pembangunan asrama UTeM berjalan lancar serta mengikut jadual yang telah ditetapkan. Saya bagi mewakili suara seluruh warga Universiti khususnya para pelajar selaku klien utama kami mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat khususnya pihak Kementerian Pengajian

Tinggi atas sokongan padu yang menjamin segala perancangan dapat direalisasikan.

Hadirin & hadirat yang dihormati sekalian,

Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga kerja yang telah terlibat di atas komitmen

dan kesungguhan yang mendorong kepada berlangsungnya majlis yang ditunggu-tunggu pada hari ini. Sekian, saya akhiri ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum wr. wb.